

SESI PENGAMBILAN SIJIL PENDAFTARAN SEMENTARA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41 (KONTRAK) BILANGAN 4/2019:

Senarai nama seramai **1306** Pegawai Perubatan Siswazah UD41 (Kontrak) telah diberi oleh Bahagian Sumber Manusia KKM bagi Sesi Pengambilan Sijil Pendaftaran Sementara Bil **4/2019**. Sesi pengambilan sijil ini akan diadakan pada **14 Ogos 2019 (Rabu)**, **15 Ogos 2019 (Khamis)** dan **16 Ogos 2019 (Jumaat)** dari pukul **8.30 pagi - 4.30 petang**. **Tiada perubahan sesi pengambilan akan dilayan dan sila hadir sepertimana yang tertera dalam senarai nama**. Sekiranya tidak dapat hadir pada tarikh yang ditetapkan, anda hanya boleh mengambil sijil **selepas Program Transformasi Minda (PTM) sahaja**. Sila bawa **Surat Tawaran** dari SPA yang telah **disahkan benar (setiap halaman bercetak)** bagi tujuan pengambilan sijil pendaftaran sementara. Sila kemukakan **ijazah perubatan atau transkrip akhir perubatan** semasa hari pengambilan sijil pendaftaran sementara. Sila pastikan salinan ijazah perubatan atau transkrip akhir perubatan **disahkan benar (setiap halaman bercetak)**. **Sekiranya GAGAL menghantar salinan ijazah perubatan atau transkrip akhir perubatan, Sijil Pendaftaran Sementara tidak akan diberikan kepada anda.**

Sekiranya anda ingin **mewakilkkan seseorang** untuk mengambil sijil untuk anda, diharap wakil dapat membawa salinan kad pengenalan (**salinan sah benar**) wakil dan surat kuasa dari anda semasa sesi pengambilan yang ditetapkan (1 wakil - 1 sijil sahaja). **Jika tandatangan pada surat kuasa adalah berbeza dari tandatangan di borang permohonan anda, sijil tidak akan diberi**. Untuk makluman semua, senarai nama diberi oleh Bahagian Sumber Manusia, KKM dan pihak MPM tiada sebarang punca kuasa untuk membuat apa-apa perubahan kepada senarai tersebut.

14 Ogos 2019: http://www.mmc.gov.my/Batch_1_140819.pdf

15 Ogos 2019: http://www.mmc.gov.my/Batch_2_150819.pdf

16 Ogos 2019: http://www.mmc.gov.my/Batch_3_160819.pdf